



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS
2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
13 MAC 2022**

**PENGGUNAAN KAPASITI KATIL COVID-19 DI HOSPITAL
DAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19
BERISIKO RENDAH (PKRC)**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada 12 Mac 2022, **penggunaan fasiliti kesihatan khusus bagi kes COVID-19:**

- **Katil Kes Kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU): Enam (6) negeri** iaitu WP Putrajaya (167%), Kelantan (69%), Johor (68%), WP Kuala Lumpur (65%), Selangor (58%) dan Perak (53%) menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$ (**Jadual 1**);
- **Katil Bukan ICU: 12 negeri** iaitu Selangor (109%), WP Kuala Lumpur (95%), Perlis (91%), Perak (91%),

Terengganu (91%), WP Putrajaya (86%), Sarawak (78%), Kelantan (76%), Melaka (74%), Johor (62%), Pahang (58%) dan Pulau Pinang (56%) menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$ (Jadual 1);

- Hanya **satu (1) negeri** iaitu Melaka (50%) menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$ (Jadual 1); dan
- Pesakit COVID-19 yang memerlukan **alat bantuan pernafasan (ventilator)** menurun kepada 211 pesakit dengan peratusan **penggunaan ventilator 24%**.

Jadual 1: Penggunaan katil COVID-19 bagi ICU dan bukan ICU di hospital dan PKRC pada 12 Mac 2022

NEGERI	PENGGUNAAN KATIL COVID-19								
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU			PKRC		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT COVID & PUI	% PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN
Perlis	165	150	91%	11	5	45%	114	35	31%
Kedah	1,208	554	46%	130	36	28%	666	158	24%
Pulau Pinang	691	384	56%	49	22	45%	800	140	18%
Perak	977	891	91%	55	29	53%	300	111	37%
Selangor	1,498	1,627	109%	86	50	58%	1385	441	32%
WP Kuala Lumpur	726	692	95%	26	17	65%	0	0	0%
WP Putrajaya	83	71	86%	3	5	167%	0	0	0%
Negeri Sembilan	1,084	365	34%	61	13	21%	224	86	38%
Melaka	283	209	74%	32	13	41%	849	425	50%
Johor	1,616	997	62%	56	38	68%	807	150	19%
Pahang	789	458	58%	81	22	27%	1,356	203	15%
Terengganu	465	421	91%	40	14	35%	641	260	41%
Kelantan	750	569	76%	48	33	69%	942	286	30%
Sabah	1,622	682	42%	120	46	38%	1,917	264	14%
Sarawak	768	601	78%	71	20	28%	995	208	21%
WP Labuan	98	17	17%	7	0	0%	130	13	10%
JUMLAH	12,823	8,688	68%	876	363	41%	11,126	2,780	25%

Jadual 2: Penggunaan keseluruhan katil termasuk kes COVID-19 dan bukan COVID-19 di hospital awam pada 12 Mac 2022

PENGGUNAAN KATIL KES COVID-19 DAN BUKAN COVID19 DI HOSPITAL PADA 12.3.2022

NEGERI	PENGGUNAAN KATIL COVID-19 DAN BUKAN COVID-19					
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN
Perlis	484	188	39%	19	11	58%
Kedah	2518	1373	55%	146	55	38%
Pulau Pinang	1972	1106	56%	85	52	61%
Perak	5218	2669	51%	102	63	62%
Selangor	5172	2035	39%	196	121	62%
WP Kuala Lumpur	4366	887	20%	97	70	72%
WP Putrajaya	585	211	36%	20	16	80%
Negeri Sembilan	1652	717	43%	97	36	37%
Melaka	1223	729	60%	92	45	49%
Johor	5127	2746	54%	114	86	75%
Pahang	1872	895	48%	120	57	48%
Terengganu	1548	755	49%	61	27	44%
Kelantan	2796	1328	47%	158	114	72%
Sabah	4190	1673	40%	145	85	59%
Sarawak	3717	1681	45%	142	64	45%
WP Labuan	201	56	28%	12	2	17%
JUMLAH	42,641	19,049	45%	1,606	904	56%

Terdapat perbezaan antara **Jadual 1** dan **Jadual 2** di mana data kapasiti dan penggunaan di Jadual 2 adalah juga termasuk untuk kes COVID-19 dan kes bukan COVID-19.

Jadual 3: Bilangan kemasukan pesakit harian COVID-19 ke hospital awam mengikut kategori dan negeri pada 12 Mac 2022

BILANGAN KEMASUKAN PESAKIT HARIAN COVID19 KE HOSPITAL AWAM MENGIKUT KATEGORI & NEGERI PADA 12.3.2022


NEGERI	NUMBER OF HOSPITAL BEDS FOR COVID -19	CAT 1	CAT 2	CAT 3	CAT 4	CAT 5	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT ADMITTED	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT DISCHARGED
Perlis	165	2	9	3	5	0	19	15
Kedah	1,208	16	39	14	34	1	104	74
Penang	691	14	73	29	39	3	158	93
Perak	977	25	119	27	55	9	235	54
Selangor	1,498	19	148	53	59	7	286	270
WP Kuala Lumpur	726	18	94	32	27	1	172	146
WP Putrajaya	83	2	13	5	5	0	25	24
Negeri Sembilan	1,084	10	57	2	19	3	91	174
Melaka	283	7	21	2	9	2	41	69
Johor	1,616	10	98	25	59	9	201	148
Pahang	789	8	75	17	29	2	131	102
Terengganu	465	4	31	9	25	3	72	63
Kelantan	750	15	56	14	49	6	140	108
Sabah	1,622	10	49	16	13	7	95	129
Sarawak	768	23	44	7	15	2	91	111
WP Labuan	98	0	6	0	1	0	7	6
JUMLAH	12,823	183	932	255	443	55	1,868	1,586

KKM ingin menjelaskan bahawa terdapat **perbezaan di antara data harian kemasukan kes COVID-19 ke hospital (Jadual 3)** berbanding kes COVID-19 kategori 1 hingga 5 yang baharu didiagnosa pada setiap hari. Ini memandangkan **keadaan klinikal pesakit yang dinamik** dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti COVID-19.

Pada masa yang sama, terdapat juga kes-kes COVID-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Pada 12 Mac 2022, sebanyak **1,868 kes** COVID-19 dimasukkan ke hospital dengan kategori berikut (**Rajah 1**):

- **753 kes (40 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **1,115 kes (60 peratus)** adalah kategori 1 dan 2.



Rajah 1: Bilangan kemasukan pesakit harian COVID-19 berdasarkan kategori ke hospital

Selain itu, KKM ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia pada 12 Mac 2022:

- Kes sembuh: **25,089 kes** [3,443,532 kes kumulatif (90.6%)];
- Kes baharu: **26,250 kes** (**3,801,036** kes kumulatif);
- Kes import: **545 kes** [509 warganegara (93.4%); 36 bukan warganegara (6.6%)];
- Kes tempatan: **25,705 kes** [24,878 warganegara (96.8%); 827 bukan warganegara (3.2%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **367 kes** (169 kes disahkan COVID-19; 198 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan); dan
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **211 kes** (100 kes disahkan COVID-19; 111 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan).

PERINCIAN KATEGORI KES COVID-19

Daripada **26,250 kes** harian yang dilaporkan pada 12 Mac 2022:

- Kategori 1: 8,652 kes (32.96%);
- Kategori 2: 17,421 kes (66.37%);
- Kategori 3: 70 kes (0.26%);
- Kategori 4: 60 kes (0.23%); dan
- Kategori 5: 47 kes (0.18%).

Daripada 177 kes COVID-19 kategori 3, 4, dan 5 yang baharu dilaporkan pada 12 Mac 2022:

- 43 kes (24.29%) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi;
- 91 kes (51.41%) telah menerima dua (2) dos vaksin COVID-19 tetapi belum menerima dos penggalak (*booster*);
- 43 kes (24.29%) telah menerima dos penggalak (*booster*);
- 99 kes (55.93%) berumur 60 tahun dan ke atas;
- 77 kes (43.50%) mempunyai komorbid; dan
- 2 kes (1.13%) adalah ibu mengandung.

KLUSTER COVID-19

- Jumlah kluster: **6,875 kluster**;
- Jumlah kluster baharu: **2 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat: **6,480 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif: **395 kluster**.

NILAI R_T

Perincian nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 4**. Maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

Jadual 4: Nilai R_T mengikut negeri berdasarkan kes yang dilaporkan pada 12 Mac 2022


NEGERI	NILAI R_T
Sarawak	1.29
WP Kuala Lumpur	1.14
Terengganu	1.13
Perak	1.07
Negeri Sembilan	1.07
Selangor	1.04
WP Putrajaya	1.03
Melaka	1.03
Pulau Pinang	1.03
Pahang	1.02
Kedah	1.02
Johor	1.00
Perlis	0.99
Kelantan	0.97
WP Labuan	0.80
Sabah	0.70
MALAYSIA	0.99

JANGKITAN COVID-19 DALAM KALANGAN WARGA EMAS


Warga emas adalah golongan yang paling terkesan dan berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19 dengan komplikasi teruk akibat jangkitan tersebut. Ini adalah kerana daya tahan tubuh yang rendah, penyakit kronik yang dihidapi oleh warga emas, dan proses penyembuhan serta pemulihan daripada jangkitan COVID-19 juga lebih perlahan dan rumit. Kadar kematian warga emas juga lebih tinggi berbanding dengan golongan yang lain.

Dari 19 Mac 2020 hingga 9 Mac 2022, sebanyak **3,711,199** kes COVID-19 telah dilaporkan di Malaysia dengan **367,522 (9.9%)** warga emas telah dijangkiti. Sebanyak **19,250 (57.4%)** kematian yang dilaporkan adalah dalam kalangan warga emas (**Rajah 2**).


Berbanding dengan kumpulan umur yang lebih muda (kumpulan umur kurang 60 tahun), jumlah dan kadar kematian dalam kalangan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas adalah lebih tinggi (**Rajah 3 dan Rajah 4**).



Rajah 2: Kematian COVID-19 dalam kalangan warga emas pada tahun 2020, 2021, dan 2022



Rajah 3: Perbandingan kematian COVID -19 mengikut umur dari ME 39/2021 (26 September 2021 - 2 Oktober 2021) hingga ME 9/2022 (27 Februari 2022 - 5 Mac 2022)




Rajah 4: Perbandingan kadar kematian COVID-19 mengikut umur dari ME 39/2021 (26 September 2021 - 2 Oktober 2021) hingga ME 9/2022 (27 Februari 2022 - 5 Mac 2022)

KLUSTER COVID-19 DI PUSAT JAGAAN WARGA EMAS

Warga emas yang berada di pusat jagaan juga terdedah dengan risiko jangkitan COVID-19 yang mana jangkitan mungkin menjadi tidak terkawal jika penghuni dan penjaga tidak mengikut SOP. Golongan ini lebih berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan dan kematian akibat COVID-19 berbanding warga emas dalam komuniti. Faktor umur, keadaan mereka yang lebih lemah (*frail*), dan pelbagai penyakit kronik yang dihadapi menjadikan mereka paling berisiko untuk mendapat penyakit COVID-19 yang teruk dan memerlukan kemasukan ke hospital serta kebergantungan yang tinggi kepada rawatan intensif. Penularan jangkitan COVID-19 dalam pusat jagaan warga emas lebih mudah dan cepat kerana jumlah penghuni yang ramai

mengakibatkan kesukaran amalan penjarakan fizikal. Pada tahun 2020, data antarabangsa melaporkan sebanyak 47 peratus kematian adalah dalam kalangan warga emas yang tinggal di institusi berkediaman.

Bermula 25 Januari 2020 sehingga 3 Mac 2022, sebanyak **154 (39.6%) kluster** COVID-19 di pusat jagaan warga emas telah dilaporkan. Kluster ini adalah penyumbang tertinggi berbanding kluster-kluster kumpulan berisiko yang lain seperti kluster di pusat jagaan kanak-kanak, pusat dialisis, dan sebagainya (**Rajah 5**).




Rajah 5: Jumlah keseluruhan kluster subkategori bagi Kategori Kumpulan Berisiko

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN


Warga emas telah dikenalpasti sebagai kumpulan sasaran utama yang perlu diberi vaksinasi selepas petugas barisan hadapan. Sejak 19 April 2021, warga emas mula ditawarkan vaksinasi COVID-19 bagi melindungi mereka daripada jangkitan teruk COVID-19 termasuk kemasukan ke hospital dan kematian.

Keberkesanan vaksinasi dapat dilihat melalui penurunan kes kematian dalam kalangan warga emas yang telah lengkap divaksinasi dos primer dan dos penggalak pada tahun 2021 berbanding 2020 (**Rajah 6**).

Sehingga 9 Mac 2022, sebanyak **3,355,784 (91.9 peratus)** warga emas telah menerima dos primer vaksin COVID-19 yang lengkap. Selepas dos penggalak diperkenalkan pada 16 Oktober 2021, sebanyak **2,472,576 (73.6 peratus)** warga emas telah mengambil dos penggalak vaksin COVID-19 (**Rajah 7**).



Rajah 6: Kematian dalam kalangan warga emas akibat COVID-19 mengikut status vaksinasi pada tahun 2020 dan 2021



Rajah 7: Bilangan warga emas menerima vaksin COVID-19 (kumulatif) pada tahun 2021 dan 2022

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Fasa 2 yang bermula sejak 19 April 2021 turut melibatkan warga emas yang berada di institusi/ pusat jagaan warga emas, di mana mereka adalah golongan yang berisiko tinggi dan sebahagian mereka tidak mempunyai keupayaan fizikal mahupun mental. Bagi memastikan PICK kepada golongan warga emas dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan, ia dibuat melalui kaedah berikut:

1. Temujanji MySejahtera di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Klinik Kesihatan (KK), Hospital, dan Klinik Swasta (*Protect Health*); dan
2. Pasukan bergerak Pejabat Kesihatan Daerah ke institusi/ pusat jagaan warga emas yang berdaftar mahupun tidak berdaftar. Melalui inisiatif *public-private partnership*, bagi memudahkan dan meningkatkan kadar pemberian vaksin di institusi jagaan warga emas, KKM juga berkolaborasi dengan badan Bukan Kerajaan dan Sukarelawan Perubatan seperti Pertubuhan Bulan Sabit Merah, Mercy, *St John Ambulance*, dan *National Cancer Society Malaysia* (NCSM) dalam program vaksinasi ini.

Sehingga 10 Mac 2022, sebanyak 1,023 institusi/ pusat jagaan warga emas berdaftar dan tidak berdaftar telah dilawati di mana seramai 19,646 penghuni dan 10,173 penjaga telah lengkap 2

dos vaksinasi COVID-19 (100 peratus). Seramai 11,002 penghuni dan 4,141 penjaga di pusat jagaan warga emas telah menerima dos penggalak (50.8%). Maklumat lanjut berkaitan pusat jagaan warga emas yang telah menerima lengkap vaksinasi termasuk dos penggalak adalah seperti di **Jadual 5** dan **Jadual 6**.

Jadual 5: Jumlah pusat jagaan warga emas yang telah lengkap dua dos (data sehingga 10 Mac 2022)

Bil.	NEGERI	Bilangan institusi/ pusat jagaan warga emas yang diberi vaksinasi			JUMLAH PENERIMA VAKSIN DUA (2) DOS KESELURUHAN	% PENCAPAIAN KESELURUHAN
			Bilangan penghuni yang telah menerima 2 dos	Bilangan kakitangan/penjaga yang telah menerima dua (2) dos		
1	Perlis	8	187	220	407	100
2	Kedah	53	911	333	1244	100
3	Perak	136	2741	1127	3868	100
4	Pulau Pinang	138	2955	1517	4472	100
5	Selangor	304	4995	3196	8191	100
6	JKWP KL	95	1513	830	2343	100
7	JKWP Putrajaya	1	24	19	43	100
8	Negeri Sembilan	44	721	400	1121	100
9	Melaka	9	162	62	224	100
10	Johor	120	2855	1176	4031	100
11	Kelantan	1	84	70	154	100
12	Terengganu	10	361	89	450	100
13	Pahang	31	637	152	789	100
14	Sabah	16	527	266	793	100
15	Sarawak	57	973	716	1689	99
16	Labuan	0	0	0	0	0
		1023	19646	10173	29819	100

- Labuan: tiada pusat jagaan warga emas

Jadual 6: Jumlah pusat jagaan warga emas yang telah lengkap dos penggalak (data sehingga 10 Mac 2022)

Bil.	NEGERI	Bilangan institusi/ pusat jagaan warga emas yang diberi vaksinasi			JUMLAH PENERIMA VAKSIN PENGGALAK KESELURUHAN	% PENCAPAIAN KESELURUHAN
			Bilangan penghuni yang telah menerima dos penggalak	Bilangan pekerja/penjagayang telah menerima dos penggalak		
1	Perlis	4	112	65	177	43.5
2	Kedah	53	279	116	395	31.8
3	Perak	135	1600	110	1710	44.2
4	Pulau Pinang	131	2658	1502	4160	96.1
5	Selangor	185	1722	869	2591	67.0
6	JKWP KL	94	1037	64	1101	47.0
7	JKWP Putrajaya	1	15	6	21	48.8
8	Negeri Sembilan	44	516	209	725	64.7
9	Melaka	38	730	121	851	64.2
10	Johor	7	75	40	115	2.9
11	Kelantan	1	79	61	140	90.9
12	Terengganu	10	149	66	215	47.8
13	Pahang	29	600	131	731	92.6
14	Sabah	16	413	258	671	84.6
15	Sarawak	57	1017	523	1540	91.2
16	Labuan	0	0	0	0	
		805	11002	4141	15143	50.8

Labuan: tiada pusat jagaan warga emas

Daripada beberapa rajah dan jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa:

- Kadar kematian warga emas adalah lebih tinggi berbanding kumpulan umur yang lain;
- Kumpulan warga emas yang tidak divaksinasi adalah paling berisiko untuk dijangkiti COVID-19 dan mengakibatkan kematian;
- Warga emas yang telah menerima vaksin COVID-19 dos penggalak adalah paling terlindung, di mana dapat dilihat jumlah kes dijangkiti COVID-19 dan juga kematian akibat COVID-19 yang lebih rendah dalam kalangan penerima dos penggalak berbanding kumpulan yang tidak

divaksinasi dan kumpulan lengkap divaksinasi tetapi tidak lengkap dos penggalak; dan

- Vaksin dos penggalak dapat memberi perlindungan yang terbaik daripada kematian dan gejala serius COVID-19.

Oleh itu KKM ingin menyeru semua warga emas yang berkelayakan namun belum menerima vaksin sama ada dos primer atau dos penggalak untuk segera mendapatkannya dari pusat pemberian vaksin (PPV) yang terdekat secara *walk-in*. Lindungi diri dan orang tersayang. Dapatkan dos penggalak. Vaksin tidak menjadikan seseorang kebal terhadap jangkitan COVID-19, tetapi vaksin dapat melindungi daripada kesan jangkitan yang teruk sehingga boleh menyebabkan kematian. Pencegahan melalui pemakaian pelitup muka dan mematuhi SOP adalah sangat penting bagi mengelak daripada dijangkiti dan menjangkiti orang lain.

Warga emas perlu dimaklumkan dan dipupuk membudayakan norma baharu dalam kehidupan. Ahli keluarga, penjaga, pengusaha pusat jagaan, dan komuniti perlu diingatkan untuk memainkan peranan penting membantu warga emas mematuhi nasihat-nasihat kesihatan yang disarankan seperti:

- Kekal amalkan kehidupan norma baru;
- Amalkan dan patuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan;

- Ambil dan lengkapkan vaksin termasuk dos penggalak;
- Amalkan kawalan kesihatan awam sendiri (TRIIS) seperti menjalani ujian dan kuarantin sendiri jika bergejala atau menjadi kontak rapat kepada kes positif COVID-19; dan
- Dapatkan rawatan segera jika gejala bertambah teruk.

Warga emas juga perlu membudayakan hidup sihat dengan melakukan aktiviti fizikal secara berkala, makan secara sihat, dan menjaga kesihatan mental untuk mengukuhkan daya ketahanan badan melawan penyakit.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan *Wash, Wear, and Warn*); Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and Seek*) sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala;
- Jalani segera ujian COVID-19 sekiranya **bergejala**;

- Individu **positif COVID-19 Kategori 1 dan 2A dan bukan berisiko tinggi (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid)**, tidak perlu hadir ke **COVID-19 Assessment Centre (CAC)**, sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)* akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;
- Individu yang perlu hadir ke CAC terdekat (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>) untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;
- Individu yang **positif COVID-19 Kategori 2B dan ke atas (sama ada berisiko tinggi atau tidak) atau mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC; dan
- Tempoh isolasi bagi individu **positif COVID-19 yang telah lengkap vaksinasi termasuk yang telah mendapat dos penggalak (booster) adalah tujuh (7) hari**, manakala tempoh isolasi bagi **individu positif**

COVID-19 yang tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi adalah selama 10 hari. Tempoh isolasi terkini tidak mengambil kira sama ada bergejala atau tidak bergejala.

Individu yang belum menerima vaksin dan tidak pernah dijangkiti COVID-19 adalah kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan COVID-19. KKM menasihatkan individu ini agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke temu janji tersebut demi melindungi diri dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

13 Mac 2022 @ 10.30 pagi

Lampiran 1

Jadual 7: Perbandingan gejala COVID-19 Kategori 2A (ringan) dan 2B (sederhana)

Kategori 2A	Kategori 2B
Sakit tekak atau selesema tanpa demam atau sesak nafas	Demam berpanjangan [dua (2) hari dan lebih] atau demam semula selepas sembuh
Batuk tanpa demam atau sesak nafas	Kesukaran bernafas apabila melakukan aktiviti (<i>exertional dyspnoea</i>)
Hilang deria rasa tetapi masih mempunyai selera makan	Sakit dada
Hilang deria bau	Tidak boleh makan atau minum
Cirit-birit dua (2) kali atau kurang dalam masa 24 jam tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Kelesuan bertambah teruk terutamanya semasa melakukan aktiviti harian atau semasa baru bangun daripada tidur
Loya dan muntah tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Memerlukan bantuan untuk berjalan
Kelesuan tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Gejala seperti batuk, loya, muntah atau cirit-birit semakin teruk atau berterusan
Sakit otot tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Perubahan status mental seperti kekeliruan / kurang tahap sedar
	Kurang pengeluaran air kencing dalam masa 24 jam